

11/03/1998

Malaysia, Filipina dahului Asean

Kadir Dikoh in Manila

MALAYSIA dan Filipina sudah semakin hampir untuk menggunakan ringgit dan peso dalam urusan perdagangan dua hala yang akan digerakkan oleh sektor swasta dan kini cuma menunggu hasil perbincangan lanjut berkisar kepada mekanisme penggunaannya.

Jika berjaya dilaksanakan tidak lama lagi, dua negara itu mendahului negara Asean lain sejajar saranan skim penggunaan mata wang masing-masing bagi perdagangan negara anggota dalam usaha mengurangkan tekanan berikutan kemerosotan nilai mata wang serantau berbanding dolar Amerika.

Setiausaha Jabatan Perdagangan dan Industri Filipina, Cesar Bautista, berkata kedua-dua negara cuma perlu mengadakan satu mesyuarat terakhir bagi memperhalusi mekanisme ke arah itu.

"Sekarang terpulang kepada bank pusat masing-masing (Malaysia dan Filipina) yang dijangka bermesyuarat dalam masa kira-kira dua minggu lagi untuk menyediakan definisi skim itu. Selepas ini, saya percaya Thailand akan mengikut jejak langkah Malaysia dan Filipina.

"Kita mahu skim ini dilaksanakan dengan mudah supaya senang diterima oleh sektor swasta," katanya kepada wartawan Malaysia selepas upacara perasmian forum pembangunan Asia (ADF) oleh Presiden Fidel Ramos di Manila malam semalam.

Lebih 350 peserta terdiri daripada tokoh perbankan, ahli akademik, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan wartawan kebanyakannya dari Asia menghadiri forum seminggu itu bermula semalam.

Antara fokus perbincangan ialah keadaan ekonomi semasa yang melanda Asia dan rantau ini dengan tema 'Asia Timur: Agenda Yang Belum Selesai' dianjurkan Institut Pembangunan Ekonomi (EDI) di Bank Dunia dengan kerjasama Bank Pembangunan Asia (ADB) serta Lembaga Pembangunan dan Ekonomi Kebangsaan kerajaan Filipina dan turut dibiayai kerajaan Jepun.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini mengadakan perbincangan dengan rakan sejawat dari Thailand, Filipina, Singapura dan Brunei mengenai kemungkinan menggunakan mata wang masing-masing untuk perdagangan antara Asean bagi menangani kegawatan ekonomi serantau.

Bautista berkata, perkara itu memang sedang dibincang bukan saja oleh Malaysia dan Filipina, malah Thailand dan Singapura selain saranan itu sebelum ini sudah diterima oleh menteri kewangan dan bank pusat Asean.

"Skim ini pada asasnya serupa seperti disarankan Malaysia mengenai cara bagaimana menggalak pengimport dan pengeksport mengguna mata wang masing-masing serta membenarkan tempoh penjelasan sebagai langkah pertama. Kemudian, mekanisme itu boleh diubahsuai supaya lebih mudah.

"Kriterianya harus lebih mudah supaya boleh mengurangkan bebanan seperti kepada bank dan pengeksport/pengimport. Dengan cara ini mereka akan mudah menerima dan peluang untuk berjaya (melaksana skim ini) lebih cerah," katanya.

Beliau berkata, pada masa lalu, idea itu kurang diterima tetapi kini semua pihak berasakan satu keperluan berikutan kegawatan ekonomi apatah lagi memang menjadi hasrat setiap negara anggota Asean untuk meningkatkan perdagangan.

Katanya, ia satu peluang baik kerana sejak krisis kewangan melanda rantau ini Julai lalu, dagangan antara Asean semakin berkurangan dan tanpa mengguna dolar Amerika, aktiviti perdagangan itu menjadi lebih luas yang menguntungkan negara anggota sendiri.

Bautista berkata, Malaysia akan lebih mudah untuk melaksanakannya kerana

ia berpengalaman setelah mengadakan perjanjian bayaran dua hala (BPA) dengan beberapa negara dalam Kumpulan G7 sebelum ini.

"Sekarang kita mahu mengikut kaedah digunakan Malaysia itu. Jika Indonesia boleh turut menggunakan rupiah untuk dagangan antara Asean ini, ia akan turut membantu republik itu," katanya.

Bagaimanapun katanya, tidak ada jalan bagi pihak Barat untuk mendakwa cadangan itu sebagai sekatan dagangan orang luar terhadap Asean kerana ia tidak bercanggah dengan kehendak Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) atau Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

(END)